

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: PPA UUM COB
Sent: Monday, 30 January, 2017 5:08 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: PERSATUAN PELAJAR EKONOMI UUM RANGKUL 1ST RUNNER UP SEMPENA
PERTANDINGAN NATIONAL YOUNG ECONOMISTS SUMMIT



STUDENT DEVELOPMENT
& ALUMNI OFFICE
UUM COLLEGE OF BUSINESS
Universiti Utara Malaysia



Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities


Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

30 JANUARI 2017 / 2 JAMADILAWAL 1438H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TEKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & salam sejahtera



Persatuan Pelajar Ekonomi (ECOSA) dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni Kolej Perniagaan (PPA UUM COB) telah menghantar lapan orang pelajar untuk menyertai pertandingan National Young Economists Summit (NYES) di Universiti Malaya baru-baru ini.

Salah seorang wakil UUM iaitu Muhammad Yusuff Choo bin Abdullah pelajar semestar 5 Sarjana Muda Sains Ekonomi dengan Kepujian telah dinobatkan 1st Runner Up dalam pertandingan ini.

Menurut Yusuff, setiap peserta akan diletakkan dalam kumpulan yang mana ahlinya seramai empat orang dan mereka dipilih secara rawak. Kumpulan yang dianggotai Yusuff ini turut dianggotai oleh dua pelajar dari Universiti Malaya dan seorang pelajar dari Universiti Teknologi Petronas.

“Setiap kumpulan dibekalkan dana secara ‘dummy’ sebanyak USD 50 ribu dan dikehendaki menjalankan *forex trading* yang dinamakan E-Challenge”

Beberapa cabaran dan pembayang diberikan kepada para peserta untuk dinilai seperti berita semasa, Data Ekonomi dan juga tukaran matawang terkini.

Berbekalkan semangat juang yang tinggi, dan kemahiran menyusun strategi akhirnya terbayar apabila kumpulan yang dianggotai oleh Yusuff telah menjana USD 2.1 juta.

Ini melayakkan mereka membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM500.00.

Habis

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
☎ 04-928 6610
☎ 04-928 6606
Website: <http://uumppacob.uum.edu.my>
Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.